

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MENAIK TARAF JALAN**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan Selayang ke Rawang dari 2 lorong ke 3 lorong dan menerangi jalan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan iaitu Jalan Rawang FT 001. Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah menyemak kawasan-kawasan yang mengalami kesesakan pada waktu puncak dan telah menyediakan Kertas Cadangan serta Anggaran Kos Projek dan telah diangkat ke Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi tujuan pelaksanaan.

Antara kawasan yang telah dikenalpasti untuk dinaiktaraf adalah di Taman Amansiara dengan skop kerja membina 1 lorong mendaki sepanjang 900 m dari Jalan Kuala Lumpur Tanjung Malim FT001 ke susur keluar Taman Amansiara dengan kos berjumlah RM 10.8 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : KURSUS PERKAHWINAN**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peserta yang mengikuti program kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas menamatkan Insentif Perkahwinan Belia.
- b) Senaraikan program kursus perkahwinan tersebut mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri.

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no. (142) daripada Yang Berhormat Morib.

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Penerima insentif daripada tahun 2013 sehingga 2018 adalah seperti berikut:-

<b>PERMOHOHAN TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
<b>2013</b>	5952	1,190,400.00
<b>2014</b>	6451	3,225,500.00
<b>2015</b>	7663	3,831,500.00
<b>2016</b>	12,625	6,312,500.00
<b>2017</b>	12,045	6,022,500.00
<b>JAN – MEI 2018</b>	10,000	5,000,000.00
<b>JUN – DIS 2018</b>	8,737	4,368,500.00 (Peruntukan Tambahan)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>63,473</b>	<b>29,950,900.00</b>

Di bawah strategi belanjawan 2019, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penjajaran inisiatif peduli rakyat diteruskan dengan pengubahsuaian modul insentif. Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama agensi-agensi Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penambahbaikan dalam mengukuhkan modul-modul serta kursus-kursus perkahwinan dan kekeluargaan sedia ada.

Bagi carta alir permohonan:-

1. Pendaftaran atas talian (*online*) - YAWAS akan bangunkan web;
2. Tarikh kursus akan diberikan kepada peserta-peserta mengikut daerah;
3. Penyerahan insentif berjumlah sehingga RM300.00 akan diberikan kepada peserta pada hari kursus;

Antara syarat-syarat umum untuk permohonan:-

1. Warganegara Malaysia;
2. Anak Selangor atau menetap di Selangor lebih daripada 10 tahun (pengesahan daripada ADUN setempat);
3. Syarat berkahwin dalam tempoh 6 bulan;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan pada tahun 2017 (bajet rm125 juta), 2018 (bajet RM20 juta), 2019 (bajet RM10 juta)?
- b) Berapakah jumlah penerima mengikut DUN yang terkini selepas proses pemutihan?
- c) Apakah mekanisme pemutihan yang digunapakai bagi menentukan kelayakan setiap pemohon?

**JAWAPAN:**

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no. 30 dari YB Pandamaran, no.78 dari YB Sungai Pelek, soalan no.84, soalan no.80 dari YB Sungai Air Tawar, soalan no.168 dari YB Sungai Panjang dan soalan no 232 dari YB Kuala Kubu Baru.

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;
- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;
- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Kategori Pengundi	Penerima Per DN
1	Pengundi Bawah 30K	700
2	Pengundi 30K-45K	1,021
3	Pengundi 45K-60K	1,381
4	Pengundi Atas 60K	1,690

**YB Bukit Lanjan** bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

**YB Pandamaran dan YB Pelabuhan Klang** telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penjajaran adalah seperti jadual di bawah:

DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
N01	700	N20	1,296	N39	1,377
N02	703	N21	694	N40	1,107
N03	1,021	N22	752	N41	1,382
N04	701	N23	1,153	N42	1,021
N05	700	N24	1,379	N43	1,014
N06	699	N25	1,680	N44	566
N07	1,381	N26	1,375	N45	1,360
N08	705	N27	699	N46	1,015
N09	700	N28	1,023	N47	1,375
N10	826	N29	1,353	N48	819
N11	701	N30	1,646	N49	1,369
N12	725	N31	726	N50	1,097
N13	704	N32	1,374	N51	1,018
N14	1,430	N33	1,035	N52	1,018
N15	941	N34	450	N53	1,014
N16	1,014	N35	362	N54	698
N17	790	N36	294	N55	1,392
N18	1,154	N37	864	N56	704
N19	1,101	N38	1,019		

**YB Sungai Air Tawar** meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penjajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

BANGSA	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
MELAYU	26,385	47.73%
CINA	11,237	20.33%
INDIA	17,059	30.86%
ORANG ASLI	212	0.38%
LAIN-LAIN	384	0.69%
	<b>55,277</b>	<b>100.00%</b>

**YB Pelabuan Kelang, YB Bandar Utama dan YB Sungai Panjang** bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>	<b>Peruntukan Tambahan (RM)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (RM)</b>
2017	125,000,000.00	-	11,330,122.50
2018	20,000,000.00	21,490,289.00	41,490,289.00
2019*	10,000,000.00	10,000,000.00	20,000,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>72,820,411.50</b>

\*sehingga 14 Julai 2019

**YB Pelabuan Klang dan YB Sungai Pelek** bertanyakan tentang panel pemilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat ( BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

**YB Kuala Kubu Baru** bertanyakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanyakan tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : GARIS PANDUAN MARRIS**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah menerima Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS yang telah ditambah baik seperti diumumkan dalam kenyataan akhbar YAB. Perdana Menteri di Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2019 pada 27 Mei 2019? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (atau lebih dikenali dengan peruntukkan MARRIS) seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 109 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan merupakan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan-jalan negeri.

Bagi mengurus pemberian ini satu garis panduan telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan supaya tatacara pengurusan pemberian ini adalah standard untuk digunakan dan dipatuhi oleh semua Kerajaan Negeri. Hanya jalan-jalan negeri yang mencapai piawaian minimum Jabatan Kerja Raya (JKR) dan berdaftar dalam *Malaysian Road Information System Online* (Sistem MARRIS *online*) layak untuk disediakan pemberian penyenggaraan jalan negeri.

Atas keprihatinan pihak Kerajaan terhadap keselamatan pengguna jalan raya, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2019 pada 27 Mei 2019, semasa membincangkan tentang Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri, mesyuarat telah **memutuskan dan bersetuju** supaya:

- i. Memperluaskan skop perbelanjaan dengan membenarkan perbelanjaan bagi **kerja-kerja menaik taraf** jalan/jambatan/parit/longkang serta membiayai penyenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak berdaftar di dalam Sistem MARRIS *online* dengan had belanja telah dinaikkan dari 10% kepada 15% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan tahun sebelumnya atau RM15 juta (sebelum ini RM10 juta), yang mana terendah;

- ii. Negeri-negeri yang mencapai paras perbelanjaan melebihi 85% akan menerima peruntukan sepenuhnya mengikut jumlah kelayakan. Sebaliknya bagi negeri-negeri yang tidak mencapai paras perbelanjaan 85%, jumlah yang akan disalurkan adalah mengikut perbelanjaan sebenar tahun sebelumnya dan penyaluran baki kelayakan hanya akan dibuat selepas prestasi perbelanjaan suku ketiga melepasi paras 85% tahun yang sama; dan
- iii. Memasukkan justifikasi perluasan perbelanjaan dibenarkan di dalam para 7 Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri sebagai para 7.5 yang menyatakan “Keutamaan diberikan bagi kerja-kerja naik taraf demi keselamatan pengguna jalan raya”.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH SECARA HARAM**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor untuk mencegah tindakan pembuangan sampah secara haram di tanah kosong, terutamanya pada waktu tengah malam.
- b) Adakah kerajaan akan merancang untuk menggunakan CCTV untuk mencegah pembuangan sampah haram?

**JAWAPAN:**

- a) Antara tindakan yang diambil oleh PBT bagi mencegah tindakan pembuangan sampah secara haram di tanah kosong terutamanya pada waktu tengah malam adalah PBT menubuhkan sebuah unit bagi menjalankan:-
  - 1) Pengintipan;
  - 2) Melaksanakan rondaan dan pemantauan secara berkala di lokasi *hotspot*;
  - 3) Membuat siasatan dan penyamaran di kawasan *hotspot*;
  - 4) Mengenakan kompaun ke atas pesalah dan menyita lori yang digunakan sekiranya berjaya diberkas; dan
  - 5) Melaksanakan kawalan statik di kawasan pintu masuk kawasan pembuangan.
- b) PBT telah pun memulakan penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) sebagai salah satu alat bantuan pemantauan dan rondaan dalam mencegah aktiviti pembuangan sampah secara haram. CCTV tersebut khas untuk diletakkan secara *mobile* atau statik di lokasi *hotspot* atau daripada aduan awam. Walau bagaimanapun, penggunaan CCTV tersebut adalah terhad dan bergantung kepada peruntukan PBT masing-masing kerana ia digunakan secara kontrak atau sewaan. Jumlah keseluruhan CCTV yang dipasang oleh PBT adalah sebanyak **48 unit** seperti pecahan berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>Bilangan CCTV</b>
1.	MBSA	18
2.	MBPJ	10
3.	MPS	10
4.	MPSJ	6
5.	MPK	4
6.	MPKj	Tiada
7.	MPSp	Tiada
8.	MDKS	Tiada
9.	MDKL	Tiada
10.	MDHS	Tiada
11.	MPAJ	Tiada
12.	MDSB	Tiada
Jumlah		48

\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) SMART SELANGOR DALAM  
PEMBASMIAN JENAYAH**

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini "State-wide CCTV Analytics" di bawah Smart Selangor?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menggunakan CCTV Smart Selangor dalam pembasmian jenayah?
- c) Berapakah sasaran bilangan CCTV di seluruh Negeri Selangor menjurus terhadap tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) kini sedang melaksana projek rintis Sistem Pengurusan Analisis Video Keselamatan dan Pengawasan di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Projek ini melibatkan 31 unit CCTV sedia ada berformat digital yang dimiliki oleh MPSJ.

Kesemua rakaman video CCTV tersebut disalurkan ke Smart Selangor Command Centre (SSCC) terletak di Plaza Perangsang untuk dianalisis. Pada ketika ini ianya sedang dalam peringkat ujian analitik untuk pengesanan awal insiden jenayah dan kesalahan lalulintas. Projek rintis ini dijangka selesai pada bulan September 2019.

(b) dan (c) dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan untuk menaiktaraf CCTV sedia ada daripada analog kepada digital dimana sistem tersebut boleh diintegrasikan dengan sistem *analytic* yang sedang dibangunkan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sistem ini sememangnya bertujuan untuk membasmi jenayah terutama di kawasan '*panas*'. Sistem ini juga mampu memberikan analisis video secara automatik bagi membolehkan tindakan segera dapat diambil. Proses ini dilakukan menggunakan teknologi analisis pengkomputeran maju yang

membenarkan pergerakan objek dan corak tertentu yang ingin dikesan dapat dikenalpasti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KESAN PENJAJARAN SEMULA PROJEK ECRL**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan sosio-ekonomi dan alam sekitar akibat penjajaran semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Cadangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah tertakluk kepada penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) di bawah Aktiviti 16(b), Jadual Kedua [Sub-perenggan 3(1)], Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Laporan EIA bagi cadangan projek ini perlu menjalankan kajian kesan kepada alam sekeliling dan mencadangkan langkah-langkah kawalan yang berkesan, akibat dari pelaksanaan cadangan projek ini dan seterusnya Laporan EIA ini akan dinilai di Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Putrajaya. Sehingga kini, tiada maklumat lanjut kesan ke atas sosio ekonomi dan alam sekitar akibat penjajaran semula Projek ECRL ini memandangkan Laporan EIA bagi penjajaran semula Projek ECRL ini masih belum dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar.

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang digantung pelaksanaannya bermula daripada 3 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Namun, rundingan semula telah diadakan bagi menentukan hala tuju projek dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC). Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion.

Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek pelaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama di antara pemilik projek yang dilantik Kerajaan iaitu Malaysia Rail Link (MRL) dan CCCC dan hasil utama kajian adalah perubahan jajaran ECRL melibatkan jajaran di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, jajaran baru ECRL tidak akan melalui kawasan sensitif di Negeri Selangor iaitu Permatang Kuartza yang dirancang untuk dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang akan melalui daerah Jelevu, Negeri Sembilan juga berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong serta laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek.

Perubahan jajaran tersebut memerlukan beberapa kelulusan lain untuk dikemukakan seperti Kajian Impak Alam Sekitar (Environmental Assessment Report), Kajian Impak Sosial (Social Impact Assessment) dan Penilaian Impak Warisan (Heritage Impact Assessment). Hasil maklum balas dan kajian-kajian yang akan dilaksanakan akan mengambilkira kesan sosio-ekonomi dan alam sekitar bagi jajaran baru projek ECRL termasuk jajaran melibatkan kawasan di dalam Negeri Selangor.

Secara umumnya, kawasan-kawasan yang akan terlibat dengan pembangunan projek ini pasti menerima kesan daripada pelbagai aspek seperti persekitaran, sosial dan pertumbuhan ekonomi. Namun, Kerajaan Negeri yakin bahawa pembangunan yang dilaksanakan mengikut akta dan peraturan yang ditetapkan mampu mengurangkan risiko serta meminimakan impak yang dikhuatiri menjejaskan kualiti hidup mahupun pembangunan mampan di Negeri Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang Skim Peduli Sihat?
  
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk Skim Peduli Sihat mengikut tahun sejak ia dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no. 30 dari YB Pandamaran, no.78 dari YB Sungai Pelek, soalan no.84 dari YB Bukit Lanjan, soalan no.80 dari YB Sungai Air Tawar, soalan no.163 dari YB Pelabuhan Kelang dan soalan no 232 dari YB Kuala Kubu Baru.

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- vi. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;
- vii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;

- viii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- ix. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- x. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Kategori Pengundi	Penerima Per DN
1	Pengundi Bawah 30K	700
2	Pengundi 30K-45K	1,021
3	Pengundi 45K-60K	1,381
4	Pengundi Atas 60K	1,690

**YB Bukit Lanjan** bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

**YB Pandamaran dan YB Pelabuan Klang** telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penjajaran adalah seperti jadual di bawah:

DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
N01	700	N20	1,296	N39	1,377
N02	703	N21	694	N40	1,107
N03	1,021	N22	752	N41	1,382
N04	701	N23	1,153	N42	1,021
N05	700	N24	1,379	N43	1,014
N06	699	N25	1,680	N44	566
N07	1,381	N26	1,375	N45	1,360
N08	705	N27	699	N46	1,015
N09	700	N28	1,023	N47	1,375
N10	826	N29	1,353	N48	819
N11	701	N30	1,646	N49	1,369
N12	725	N31	726	N50	1,097
N13	704	N32	1,374	N51	1,018
N14	1,430	N33	1,035	N52	1,018
N15	941	N34	450	N53	1,014
N16	1,014	N35	362	N54	698
N17	790	N36	294	N55	1,392
N18	1,154	N37	864	N56	704
N19	1,101	N38	1,019		

**YB Sungai Air Tawar** meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penjajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

BANGSA	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
MELAYU	26,385	47.73%
CINA	11,237	20.33%
INDIA	17,059	30.86%
ORANG ASLI	212	0.38%
LAIN-LAIN	384	0.69%
	<b>55,277</b>	<b>100.00%</b>

**YB Pelabuhan Kelang, YB Bandar Utama dan YB Sungai Panjang** bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>	<b>Peruntukan Tambahan (RM)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (RM)</b>
2017	125,000,000.00	-	11,330,122.50
2018	20,000,000.00	21,490,289.00	41,490,289.00
2019*	10,000,000.00	10,000,000.00	20,000,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>72,820,411.50</b>

\*sehingga 14 Julai 2019

**YB Pelabuhan Klang dan YB Sungai Pelek** bertanyakan tentang panel pemilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat ( BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

**YB Kuala Kubu Baru** bertanya apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanya tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : STATUS KEWANGAN KERAJAAN SELANGOR UNTUK PEMBANGUNAN  
NEGERI**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak peruntukan untuk rakyat dan DUN telah dikurangkan tanpa penjelasan. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati masyarakat dan menyukarkan DUN-DUN untuk menguruskan kawasan.

Sila beri penjelasan yang betul dan tepat supaya DUN-DUN boleh menjelaskan kepada masyarakat status yang sebenar.

**JAWAPAN:**

- a) Dalam melestarikan pembangunan di Negeri Selangor tanpa mengabaikan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri sentiasa menyediakan peruntukan sama ada melalui peruntukan-peruntukan ADN, AMMKN, Penyelaras DUN mahu pun peruntukan-peruntukan yang diberi terus kepada rakyat melalui program inisiatif peduli rakyat seperti Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Skim Peduli Sihat dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, demi memastikan program-program ini dapat diteruskan dalam jangka masa panjang, peruntukan yang disediakan haruslah selari dengan keadaan semasa terutamanya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri seperti kedudukan hasil, tanggungan serta komitmen Kerajaan Negeri.

Selain itu, program-program yang dirangka juga haruslah selari dengan keadaan semasa serta fokus Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak boleh selamanya memberikan ikan sebaliknya perlu mula memberikan pancing agar ekonomi Negeri Selangor dapat terus berkembang dengan penglibatan rakyat dalam kegiatan ekonomi.

Untuk itu, Kerajaan semasa penyediaan belanjawan 2019 telah merangka untuk melaksanakan penjajaran program IPR sedia ada. Pada April 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri telah mengumumkan mengenai penjajaran tiga (3) IPR utama iaitu KISS, Skim Peduli Sihat dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Penjajaran ini

bukanlah bermaksud program IPR yang disebutkan tadi dihentikan sebaliknya program tersebut ditambah baik bagi memberikan impak yang lebih baik kepada rakyat mahu pun Kerajaan Negeri. Antara usaha penjajaran yang dilaksanakan adalah menetapkan supaya kelayakan penerima sedia ada disemak dengan data yang ada di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan e-kasih. Usaha ini adalah bagi memastikan hanya penerima yang benar-benar layak sahaja akan menerima bantuan yang disediakan.

Penjajaran KISS contohnya, setelah semakan atau verifikasi data dilaksanakan lebih separuh dari 40 ribu pemegang kad didapati tidak layak. Bagi pemegang kad yang layak, mereka masih menerima manfaat yang sama iaitu sebanyak RM200 sebulan.

Bagi Skim Peduli Sihat pula, daripada hampir 400 ribu pemegang kad adalah dijangkakan hanya sekitar 65 ribu orang sahaja yang layak dan mereka yang layak ini juga akan terus menerima manfaat yang sama iaitu kad rawatan tahunan berjumlah RM500 bagi keluarga dan RM200 bagi individu.

Manakala bagi program SMUE pula, Kerajaan Negeri memutuskan agar manfaat sedia ada yang hanya dinikmati oleh waris ahli perlu dijajarkan agar manfaat tersebut dapat dinikmati oleh ahli SMUE semasa mereka hidup. Justeru, manfaat khairat kematian telah ditukar kepada bantuan Jom Shopping bernilai RM100 kepada semua ahli SMUE yang masih hidup.

Bagi lain-lain IPR, Kerajaan Negeri akan terus menilai dan jika ada keperluan akan dijajarkan dari masa ke semasa bagi memastikan ia dapat terus memberi manfaat kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DAN KEKURANGAN PARKING DI KAWASAN  
KOMERSIAL SS15**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh MPSJ untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang bertambah teruk dan kekurangan parking di kawasan komersial SS15?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah petak parkir 'on street' di kawasan komersial SS 15 adalah sebanyak 2,419 petak. Bagi menambah bilangan parkir sedia ada, MPSJ telah membina sebuah bangunan tempat letak kenderaan bertingkat (4 tingkat) yang telah siap sepenuhnya pada Julai 2017 dan hanya mampu menampung sebanyak 583 kenderaan.

Kesesakan lalulintas berlaku disebabkan kawasan komersial SS 15 Subang Jaya menjadi tumpuan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan perbankan, perniagaan yang menarik ramai pelanggan seperti restoran bubble tea, kedai makan, kedai telefon bimbit, aksesori dan lain-lain. Kawasan ini menjadi tumpuan sepanjang masa dan perniagaan semakin maju mengakibatkan aliran trafik menjadi kritikal pada waktu puncak sehingga lewat malam.

Peningkatan yang mendadak pertumbuhan perniagaan minuman viral 'bubble tea' di kawasan SS 15 terutamanya di Jalan SS 15/4 telah menambahkan lagi kesesakan dengan peletakan kenderaan secara bertindih (double parking) yang mengakibatkan kesesakan yang panjang sehingga Jalan Jengka.

Dalam usaha menangani masalah ini MPSJ melaksanakan tindakan seperti berikut:

Tindakan Jangka Masa Pendek

- i) Membuat kawalan trafik dan menempatkan anggota penguatkuasa di kawasan tersebut.



- ii) Menempatkan anggota tunda bagi mengambil tindakan serta merta di tapak.
- iii) Tindakan penguatkuasaan bersama pihak Polis Trafik IPD Subang Jaya juga ada dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk mengurangkan masalah aliran trafik yang tinggi.

Tindakan Jangka Masa Panjang

- i) Membuat rejuvernasi koordinasi petak
- ii) Mengaplikasikan kadar bayaran mengikut Zon

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : ISU PEDULI SIHAT DAN KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penyelesaian sistem komunikasi (call centre) oleh pihak Selgate management berkaitan aduan dan runggaran panggilan pengadu tidak berjawab & penerangan isu Peduli Sihat & Kiss di serah kepada Pusat Khidmat Masyarakat tanpa diberi input yang jelas?

**JAWAPAN:**

- a) Disebabkan langkah pengemaskinian yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri, berlaku peningkatan drastik panggilan telefon daripada orang ramai terutama ahli SPS mengakibatkan sesetengah panggilan tidak terjawab. Namun, SELCARE Management (anak syarikat SELGATE Corporation) telah menambah bilangan kakitangan pusat panggilan dan pada masa yang sama telah menaiktaraf sistem pusat panggilan bagi menampung peningkatan drastik jumlah panggilan yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PROJEK LRT3**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek LRT3?
  
- b) Nyatakan jumlah rungutan dan aduan yang diterima berpunca dari pembinaan LRT3.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek LRT3 dengan beberapa perubahan yang perlu diambilkira di dalam pelan rasionalisasi projek LRT3 oleh pihak Prasarana. Pelan rasionalisasi tersebut telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 12 Julai 2018 dan seterusnya telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) pada 26 Julai 2018 melibatkan dasar penjimatan berikut:
  - (1) Jumlah stesen dikurangkan daripada 26 buah stesen kepada 20 buah stesen (4 stesen ditangguhkan dan stesen bawah tanah dibatalkan);
  - (2) Pengurangan saiz platform stesen daripada 125 meter kepada 82 meter;
  - (3) Pengurangan gerabak rel daripada 6 koc kepada 3 koc; dan
  - (4) Tempoh siap dilanjutkan daripada 2020 kepada 2024.

Sehingga Julai 2019, status kemajuan kerja di tapak adalah sebanyak 17% (berdasarkan jangkamasa siap pada tahun 2024) yang melibatkan kerja-kerja sub-struktur, pembinaan tetiang (*pier*), pemasangan *u-through* (*viaduct guideway*), pelebaran jalan dan pengalihan utiliti. Pindaan pelan bagi 14 buah stesen juga telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang untuk kelulusan.

Berdasarkan pelan rasionalisasi, tiada perubahan terhadap jajaran asal iaitu masih mengekalkan jajaran sepanjang 37 kilometer.

- b) Jumlah aduan yang direkodkan oleh projek LRT3 bagi tempoh Jun 2016 sehingga Julai 2019 adalah sebanyak 616. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 611 aduan telahpun diambil tindakan dan diselesaikan manakala 5 aduan yang diterima di dalam bulan Julai 2019 sedang dalam tindakan pihak LRT3.

### **INFO TAMBAHAN**

1. Status pengambilan tanah:
  - 293 daripada 294 buah lot telah selesai pengambilan tanah (Borang K) bagi keseluruhan jajaran projek LRT3.
2. Statistik jenis-jenis aduan yang diterima melibatkan projek LRT3 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Aduan</b>	<b>Jumlah Aduan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	Trafik	150	24.4 %
2.	Kerja-kerja Pembinaan	237	38.5 %
3.	Alam Sekitar	65	10.6 %
4.	Pampasan	38	6.2 %
5.	Keselamatan	5	1 %
6.	Lain-lain (seperti <i>timing</i> lampu isyarat, kebersihan dan lampu jalan)	121	19.6 %
Jumlah Keseluruhan		616	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : KEMPEN MINAT MEMBACA**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan kempen minat membaca ini diteruskan?
- b) Apakah usaha Kerajaan dalam memupuk minat membaca di kalangan masyarakat luar bandar?
- c) Apakah usaha Kerajaan dalam memartabatkan Bahasa Melayu?

**JAWAPAN:**

- a)
  - i) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan kempen minat membaca dengan melaksanakan program dan aktiviti yang berterusan melalui pendekatan seperti berikut:

**Senarai Program/Aktiviti yang telah dilaksanakan (Januari – Mei 2019)**

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PROGRAM/AKTIVITI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>JUMLAH PENYERTAAN (ORANG)</b>
<b>1</b>	Pesta Buku Selangor 2019	28 Februari – 10 Mac 2019	498,646
<b>2</b>	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 : Selangor Negeri Tamu	29 Mac - 7 April 2019	9,436
<b>3</b>	Program JOM BACA untuk 10 MINIT : Selangor	23 April, 2019	1,187,357
<b>4</b>	Dialogue@Shah Alam Siri 1 : Penjawat Awam	3 Mei 2019	600
<b>5</b>	Program World Kids #Quran Hour	22 Mei 2019	3,500
<b>6</b>	Program World #Quran Hour	30 Mei 2019	35,219

7	Seminar Skor A : SMK TTDI Jaya, Shah Alam	28 - 30 Januari 2019	390
8	Bengkel Numerologi dan Parenting bersama Guru Kaunseling, PPD Petaling Perdana	19 - 20 Februari 2019	130
9	Majlis Apresiasi dan Perlantikan Pegawai Teknikal JPN Selangor 2019	21 Februari 2019	60
10	A Night at The Library: Islam & The Pursuit of Knowledge collaboration with SEMAI Group	23 - 24 Februari 2019	160
11	Program dan Aktiviti Perkhidmatan Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam	Januari - Mei 2019 / 328 Aktiviti	12,753
12	Program dan Aktiviti SMART MOBILE LIBRARY (SML)	Januari - Mei 2019 / 34 Program	6,384
13	Program dan Aktiviti Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan	Januari - Mei 2019 / 4,954 Aktiviti	181,408
<b>JUMLAH KESELURUHAN PROGRAM/AKTIVITI</b>		<b>5,326 AKTIVITI</b>	<b>1,906,396</b>

ii. **Program yang akan dilaksanakan Julai hingga Disember 2019**

Bil	Program Dan Aktiviti	Tarikh
1	Festival Buku Dan Kanak-Kanak (FESBUK) 2019.	5 – 7 Julai 2019
2	My School Goals International Festival	29 Julai 2019
3	Minggu Sains Negara Peringkat Negeri	2-8 Ogos 2019
4	Memori Kemerdekaan	16 Ogos 2019
5	Pesta Buku Mini -Daerah	29 Ogos 2019
6	Literasi Maklumat bersama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor (BTPNSEL) sempena Anugerah NILAM Negeri Selangor	27 Ogos 2019
7	#Merdeka Quran Hour	30 Ogos 2019
8	Bulan Bahasa Kebangsaan	26 Oktober 2019

- iii) Perpustakaan akan meneruskan jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan serta berganding bahu melaksanakan program/aktiviti galakan membaca dengan lebih kreatif. Program promosi dan publisiti akan ditambah, kerana peranan media massa khususnya media elektronik dan media cetak penting dalam membantu meningkatkan keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan.
  - iv) Di samping program-program ini, Kerajaan Negeri mengalu-alukan semua agensi kerajaan bekerjasama dengan PPAS agar dapat meningkatkan lagi budaya membaca di kalangan masyarakat, melalui program/aktiviti galakan membaca yang lebih kreatif.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan minat membaca di kalangan masyarakat luar bandar.
- i) **Jumlah aktiviti** yang dijalankan pada **tahun 2018 adalah 8,455 aktiviti** dengan **penglibatan sebanyak 1,959,207 orang**. Antaranya Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit / Let's Read Together for 10 Minutes (Seluruh Selangor), World #Quran Hour 2018, Program Sambutan Hari Malaysia dan Mini Karnival Pendidikan Parlimen Sg. Besar 2018 dan program-program lain di semua peringkat.
  - ii) Pada tahun 2018, PPAS telah membeli sebanyak **7,875 judul buku** bersamaan **133,345 naskhah**.
  - iii) **Sebanyak 104 buah perpustakaan** dibawah pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dengan **53 buah** daripadanya **telah dinaik taraf** dan dilengkapi dengan kemudahan seperti :-
    - 1. Bilik seminar dan Bilik perbincangan
    - 2. Perkhidmatan multimedia
    - 3. Internet dan WIFI percuma
    - 4. Koleksi terkini
    - 5. Penghawa dingin
    - 6. Bilik laktasi
    - 7. Ruang kanak-kanak
    - 8. Gelanggang serbaguna

Semua kemudahan ini bagi memupuk minat membaca dikalangan masyarakat luar bandar dan menjadikan relevan untuk semua golongan masyarakat.

- iv) Sebanyak 3 buah perpustakaan bergerak daripada 8 buah perpustakaan beroperasi dikawasan luar Bandar iaitu daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor/Sepang dan Klang/ Kuala Langat. Antaranya Felda Gedangsa, Felda Sg Tenggi dan Felda Soeharto dii Hulu Selangor dan Kg Bukit Canggang dan Rancangan Tanah Belia Bukit Canggang di daerah Kuala Langat serta Rancangan Tanah Belia 11, Sg. Panjang dan Parit 13, Tok Khalifah di kawasan Sabak Bernam. Manakala 5 buah lagi beroperasi di kawasan B40 Bandar.
- c) Usaha Kerajaan dalam memartabatkan Bahasa Melayu:-
- i) PPAS sentiasa menyokong dasar kerajaan dalam memartabatkan Bahasa Melayu melalui kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan menganjurkan program Bulan Bahasa.
  - ii) Melalui agenda pencerahan pula, Kerajaan Negeri Selangor telah pun memulakan inisiatif terjemahan karya agung antarabangsa daripada pelbagai bahasa **ke dalam bahasa Melayu** sejak tahun 2015. Sehingga kini, sebanyak 29 judul buku karya agung telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan sebanyak 37 buku karya agung dan buku terjemahan telah diaudiokan ke dalam **bahasa melayu**.
  - iii) PPAS mempunyai sejumlah 709,160 naskhah buku dalam bahasa Melayu daripada jumlah besar koleksi sebanyak 1,040,440 naskhah dari tahun 2010-2018.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PRASARANA**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prasarana fizikal untuk masyarakat yang sudah siap dibina dalam daerah Hulu Selangor.
  
- b) Nyatakan kos penyelenggaraan dan bina baru untuk kemudahan komuniti di kawasan Hulu Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Prasarana fizikal untuk masyarakat yang sudah siap dibina dalam d\Daerah Hulu Selangor.
  - 128 kawasan
  - 1927 perabot taman
  
- b) Kos penyelenggaraan tahun 2019 sebanyak RM3,956,396.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN AIR SUNGAI SEMENYIH 26 JUN 2019**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah pencemaran ini masih terus berlaku dan apakah punca kepada pencemaran ini?
  
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini daripada berulang semula?

**JAWAPAN:**

- a) Sungai Semenyih merupakan sungai yang membekalkan sumber air kepada LPA Sungai Semenyih. Berdasarkan statistik pencemaran dan henti tugas loji, pencemaran Sungai Semenyih disebabkan oleh efluen dari industri di bahagian hulu sungai dan juga anak-anak sungainya seperti Sungai Rinching. Selain itu, Sungai Semenyih juga menerima aliran air dari Sungai Buah yang merupakan sungai merentas sempadan dari Negeri Sembilan di mana di bahagian hulunya merupakan kawasan perindustrian Nilai. Walau bagaimanapun terdapat juga individu yang tidak bertanggungjawab membuang sisa buangan di rizab sungai atau di dalam sungai seterusnya menjejaskan kualiti air Sungai Semenyih.

Di bahagian hulu takat pengambilan air (water intake) Sungai Semenyih terdapat Kawasan Perindustrian seperti Kawasan Perindustrian Semenyih dan Kawasan Perindustrian Beranang. Bagaimanapun hanya terdapat 23 buah kilang di mana proses pengeluarannya menghasilkan sisa air buangan terawat (treated effluent) yang dilepaskan ke Sungai Semenyih. Pihak Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau dan memastikan sisa air buangan terawat ini mematuhi standard pelepasan yang dibenarkan sebelum memasuki Sungai Semenyih. Pada 26 Jun 2019 air Sungai Semenyih telah dikesan berbau minyak sawit sebelum memasuki Logi Rawatan Air Semenyih. Hasil siasatan Jabatan Alam Sekitar dan beberapa agensi lain pada tarikh tersebut mendapati bau yang sama dikesan di longkang luar berhampiran sebuah kilang yang disyaki di Kampung Rinching. Sampel pencemar diambil dan telah dihantar ke Jabatan Kimia. Siasatan lanjut terhadap kilang tersebut mendapati loji rawatan air buangan kilang mengalami kerosakan.

Pihak kilang telah menghentikan pelepasan air dari loji tersebut serta merta semasa kejadian. Loji tersebut juga telah disita oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengelakkan sisa air tidak terawat dilepaskan dan bagi membolehkan pembaikan dapat dibuat dengan segera. Walau bagaimanapun keputusan laporan kimia daripada sampel yang diambil pada 26 Jun 2019 menunjukkan parameter-parameter pencemar yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian ) 2009 adalah tidak melebihi had yang dibenarkan. Bau sisa air buangan daripada industri makanan tidak tersenarai antara parameter yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian ) 2009 kerana ianya tidak memudaratkan.

Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau operasi kilang ini bagi memastikan ianya sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

- b) Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Bagi mengelakkan isu pencemaran ini berulang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut:
  - i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatan kuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
  - ii) Melaksana dan mengemaskini serta tindakan bersepadu bagi inventori punca pencemaran di Sungai Semenyih berdasarkan kajian guna tanah di rizab sungai dan inventori yang telah dilaksanakan;
  - iii) Menguatkuasa dan menjalankan pemantauan kawalan pencemaran melalui Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 dan Peraturan Kemasukan dan Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012
  - iv) Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Buah;

- v) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pembangunan stesen di Sungai Langat telah siap dan sedang digunapakai. Pihak LUAS juga akan bekerjasama dengan pihak Pengurusan Air Selangor bagi pemasangan stesen kualiti air telemetri di Sungai Semenyih sebagai pemantauan amaran awal pencemaran untuk mengelakkan henti tugas muka sauk;
- vi) Meningkatkan pengambilan dan kompetensi kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS; dan
- vii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.

Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau operasi kilang ini bagi memastikan ianya sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : 2 BUAH MASJID BARU DI DUN KOTA DAMANSARA SEPERTI YANG  
TELAH DI MAKLUMKAN SEBELUM INI**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Lokasi dan Sejauh mana projek tersebut telah berjalan setakat ini.
- b) Bilakah pembinaan kedua-dua masjid tersebut akan siap ?
- c) Apakah masalah utama ( jika ada ) yang telah di kenalpasti akan boleh menjadi penyebab pembinaan tersebut tidak mengikut jadual. ?

**JAWAPAN:**

- a) Masjid Kota Damansara 2 akan dibina di Seksyen 9, Kota Damansara dan projek tersebut sedang dalam proses rekabentuk. Manakala bagi Masjid Subang Bestari pula akan dilaksanakan di rezab Masjid Subang Bestari di Jalan Nova U5/93. Projek tersebut sedang dalam peringkat rekabentuk.
- b) Kedua-dua projek sedang dalam proses rekabentuk. Tender dijangka pada penghujung tahun 2020 dan pembinaan dijangka siap pada hujung tahun 2022.
- c) Masjid kota damansara 2 telah diluluskan sebanyak RM12,000,000.00 namun kos keseluruhan projek tersebut dianggar RM17,000,000.00 bagi kapasiti 2000 jemaah. Pihak kariah sedang melaksanakan kutipan dana bagi menampung baki kos projek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor mentakrifkan definisi belia dari umur 15 sehingga 40 tahun. Namun begitu, had umur untuk PeBT adalah sehingga 30 tahun sahaja. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan had umur PeBT kepada 40 tahun supaya selaras dengan definisi belia Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no. 120 daripada Y.B. Bukit Lanjan dan soalan no. 194 daripada Y.B. Hulu Kelang :

- a) Kerajaan Negeri meneliti dengan rapat pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) yang menghadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun seperti yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Kedudukan belia tidak disebut dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan malah senarai-senarai negeri dan persekutuan, iaitu senarai 1, 2 dan 3 tidak menyebut langsung tentang definisi belia. Dengan kata lain, negeri tidak terikat kepada akta atau peraturan yang ditetapkan oleh persekutuan berkaitan belia.

Bagi pertubuhan yang didaftarkan dibawah pendaftar belia adalah tertakluk kepada akta pertubuhan yang baharu.

Persoalannya adalah dimanakah tafsiran belia di bawah Kerajaan Negeri? Jawapannya adalah belia negeri ditafsirkan dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2014 yang menyatakan umur memegang jawatan bagi belia adalah 15-30 tahun. Walaubagaimanapun, program-program atau insentif-insentif Kerajaan Negeri merangkumi mereka yang berumur sehingga 40 tahun, seperti Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain insentif yang Kerajaan Negeri berpandangan diperlukan.

Ini kerana sebahagian besar belia Selangor berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam program pembangunan belia, aktiviti sukan dan program '*outdoor*' dan Selangor tidak akan meminggirkan mereka.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dan kekal komited bersama Kementerian Belia dan Sukan serta pertubuhan-pertubuhan belia lain dalam setiap usaha pembangunan belia di Selangor secara khasnya dan Malaysia secara amnya.

Sekiranya Yang Berhormat mempunyai cadangan lain, saya harapkan cadangan itu boleh dimasukkan dalam perbincangan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN KAPAR-MERU**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah jalanraya persekutuan antara Pekan Kapar ke Klang akan diperbaiki dan diturap semula?

**JAWAPAN:**

- a) Telah ada perancangan untuk menyelenggara jalan-jalan persekutuan termasuk Jalan Kapar (FT05) ini iaitu program berkala pavemen dan berkala bukan pavemen. Kos yang telah diluluskan untuk program ini adalah sebanyak RM 3.7 juta bagi tahun 2019. Status terkini pelaksanaan kerja adalah seperti berikut:
- i. Satu (1) bilangan kerja dalam proses penyelenggaraan (berjumlah RM 1,550,000.00)
  - ii. Tiga (3) bilangan kerja dalam proses perancangan (berjumlah RM 2,150,000.00)

Sila rujuk **Lampiran A** berhubung Senarai Arahan Kerja Berkala Pavemen 2019.

Peruntukan ini akan dipohon setiap tahun berdasarkan kepada tahap kerosakan jalan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : GOLONGAN B40**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluarga dalam golongan sasar B40 yang telah berdaftar dengan e-Kasih.
  
- b) Senaraikan program IPR yang boleh dimohon untuk golongan B40 dan M40.

**JAWAPAN:**

- a) B40 adalah isirumah berpendapatan 40 peratus terendah yang mempunyai pendapatan di bawah RM4,360 peringkat Nasional mengikut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Justeru, kesemua pendaftar eKasih boleh dikategorikan sebagai golongan B40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini 6 bulan pertama tahun 2019 berbanding tahun 2018?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi 6 bulan pertama sehingga 30 Jun 2019 telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM1,424.32 juta iaitu 64.74% daripada sasaran hasil sebanyak RM2,200 juta. Manakala jumlah keseluruhan kutipan hasil pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 1,998.52 juta.

Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga 30 Jun 2019, adalah berjumlah RM565.55 juta iaitu 44.18% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,340.79 juta. Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan mengurus sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 95% daripada jumlah peruntukan.

Prestasi perbelanjaan pembangunan sehingga 30 Jun 2019 adalah RM661.40 juta atau 51.67% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,280 juta. Secara perbandingannya perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,427 juta. Kerajaan Negeri membuat unjuran perbelanjaan pembangunan sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 90% daripada jumlah peruntukan.

Maklumat tambahan 1 :

Berikut (Jadual 1) merupakan maklumat tambahan tentang terimaan hasil dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 dan tahun 2018 (bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019 dan bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018) sebagai data sokongan kepada pernyataan di atas.

**JADUAL 1 - TERIMAAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2019 DAN 2018 (BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN)**

	01 Jan - 30 Jun 2018		01 Jan- 30 Jun 2019		Perbandingan	
	RM Juta	% Belanjaw an	RM Juta	% Belanjaw an	RM Juta	%
<b><u>HASIL</u></b>						
Hasil Cukai	520.95	81.05%	562.00	80.35%	41.05	7.88%
Hasil Bukan Hasil	588.39	42.22%	682.26	53.32%	93.88	15.96%
Terimaan Bukan Hasil	75.21	35.21%	180.06	81.46%	104.85	139.41 %
	<u>1,184.55</u>	<u>52.65%</u>	<u>1,424.3 2</u>	<u>64.74%</u>	239.77	20.24%
<b><u>PERBELANJAAN MENGURUS</u></b>						
Emolumen	218.85	49.26%	229.52	52.47%	10.67	4.88%
Perkhidmatan Dan Bekalan	196.15	35.18%	226.45	43.05%	30.29	15.44%
Aset	2.65	24.56%	4.20	44.75%	1.55	58.49%
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	216.69	60.23%	93.77	42.27%	- 122.92	- 56.72%
Perbelanjaan Lain	17.13	19.56%	11.61	13.61%	-5.53	- 32.28%
	<u>651.47</u>	<u>44.62%</u>	<u>565.55</u>	<u>44.18%</u>	-85.92	- 13.19%

<b><u>PERBELANJAAN</u></b> <b><u>PEMBANGUNAN</u></b>	703.33	42.37%	661.40	51.67%	-41.93	-5.96%
<b>JUMLAH</b> <b>PERBELANJAAN</b>	1,354.8	43.42%	1,226.9 5	47.93%	- 127.85	-9.44%
Lebihan /Defisit Keseluruhan	-170.25		197.37		367.62	